

Kuantan dilanda banjir kilat

Beberapa kawasan ditenggelami air, banyak kenderaan rosak

Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Irwan
Shafrizan Ismail dan Shukor Kasim
bhnews@bharian.com.my

● LUQMAN HAKIM ZUBIR | BERITA HARIAN

KUALA LUMPUR: Beberapa kawasan di Kuantan, Pahang dilanda banjir kilat sedalam kira-kira satu meter selepas hujan lebat lebih dua jam, petang kelmarin.

Hujan lebat bermula jam 6.30 petang menyebabkan kawasan Seri Dagangan 1, yang menempatkan pejabat stesen Sistem Televisyen Malaysia (TV3) Bhd, ditenggelami banjir dan banyak kenderaan turut rosak.

Turut terjejas ialah Jalan Tun Ismail, Kampung Jawa, beberapa jalan utama antaranya Jalan Bukit Ubi berhadapan Padang Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 2, Jalan Mahkota, Jalan Haji Abdul Aziz berhampiran Restoran Jelita dan hadapan Kolej Teknologi Cosmopoint di Jalan Teluk Sisek di sini.

Di **SRI AMAN**, 12 mangsa daripada 32 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan selepas rumah masing-masing ditenggelami air sedalam 0.5 meter, petang kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Sri Aman, Sarawak berkata, semua mangsa kini ditempatkan di dewan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hua Pantu, selepas hujan lebat melanda sekitar daerah itu sejak bebe-



BANJIR kilat di Jalan Tun Ismail menyebabkan kereta terkandas.

rapa hari lalu.

Katanya, sebelum ini jumlah mangsa banjir di kawasan berkenaan adalah seramai 117 orang membabitkan 31 keluarga dengan kebanyakan mereka tinggal di kawasan tebing sungai.

“Pihak kami menjangka lebih ramai penduduk akan dipindahkan tidak lama lagi disebabkan hujan yang berterusan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Difahamkan, Bilik Gerakan Banjir, Pejabat Residen Sri Aman, diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga kerana kemungkinan lebih banyak kawasan yang bakal dinaiki air.

“Sebarang maklumat lanjut dan masalah berhubung banjir boleh dimaklumkan kepada kepada Bilik Gerakan Banjir Sri Aman di talian 083-320548,” katanya.

Di **ALOR GAJAH**, seramai 219 mangsa banjir dari sekitar Peng-

kalan dan Durian Tunggal, dekat sini, yang ditempatkan di tiga pusat pemindahan banjir sejak kelmarin, sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing petang semalam.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Kamaruddin Md Shah, berkata mangsa terakhir dibenarkan pulang adalah dari Kampung Belimbing Dalam yang sebelum ini ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Belimbing Dalam.